

12 SEP 2002

Pegum/I

PEGUAM M'SIA BAGI MANGSA YANG MENDAKWA DIROGOL DATANG KE MANILA

MANILA, 12 Sept (Bernama) -- Seorang peguam Malaysia yang diupah oleh Filipina untuk mewakili mangsa yang mendakwa dirogol di Sabah akan tiba di sini esok, seorang pegawai memberitahu pemberita hari ini.

Gordon Jones mahu mengambil keterangan gadis Islam Filipina berusia 13 tahun itu yang mendakwa dirinya telah dirogol oleh seorang anggota polis Malaysia.

Gadis itu, yang identitinya dirahsiakan oleh pihak berkuasa, merupakan seorang daripada warga Filipina yang dihantar pulang dari Sabah.

Setiausaha Kehakiman Hernando Perez berkata Jones akan diiringi oleh duta Filipina ke Malaysia Jose Brillantes.

"Kami akan segera mengadakan perbincangan dengan Encik Jones dan saya akan menyerahkan afidavit mangsa kepada beliau," katanya.

Perez berkata terdapat "bukti yang cukup" untuk membuktikan dakwaan rogol itu dan kini hanya menunggu untuk "memfailkan dakwaan yang sesuai di Malaysia."

Persida Acosta, ketua Pejabat Peguam Awam Filipina berkata beliau telah menemubual gadis itu hampir enam jam dan mendapati keterangannya "spontan dan berwibawa."

Gadis itu kini diletakkan di bawah penjagaan pegawai kebajikan sosial di selatan bandaraya Zamboanga sejak dihantar pulang dari Sabah minggu lepas.

Presiden Gloria Arroyo, dalam suratnya baru-baru ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah melahirkan "rasa marah peribadinya" atas dakwaan kejadian rogol tu dan meminta "tindakan segera" terhadap perkara itu.

Sementara itu, Setiausaha Pertahanan Angelo Reyes berlepas esok ke Kuala Lumpur untuk membantu menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin.

Beliau akan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya di Malaysia dan pegawai kanan lain untuk mencari jalan melancarkan penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina dari Sabah.

-- BERNAMA

ALJ RV RHM